

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (TRAGEDI KEBAKARAN)

TARIKH: 16 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 05



IBU kepada pelajar Maahad Tahfiz Darul Quran, Norazlin Abd. Aziz (tengah) menyiram air mawar ke pusara Muhammad Afiq Haqimie Hairulizwan, Azkar Abiedi F. Zaska dan Azkar Dariemi F. Zaska di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang, Kuala Lumpur, semalam.

Banyak lagi belum daftar

KUANTAN 15 Sept. - Ketika kebimbangan meningkat terhadap aspek keselamatan pusat tahfiz ekoran kejadian kebakaran yang berlaku, masih banyak institusi pengajian itu yang belum berdaftar dengan pihak berkuasa.

Pusat terlibat juga gagal memenuhi syarat ditetapkan pihak berkuasa termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Di negeri ini misalnya, sebanyak 38 buah sekolah tahfiz belum mendaftar dengan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP).

Pengarah JAIP, Datuk Mohamad Noor Abdul Rani berkata, sekolah itu tidak mendaftar bukan kerana tidak membuat permohonan tetapi gagal penuhi beberapa syarat keselamatan ditetapkan.

"Hanya 42 buah yang mendaftar dengan JAIP manakala 38 buah lagi belum berdaftar," katanya ketika dihubungi pemberita di sini hari ini.

DI **KOTA BHARU**, sebanyak 17 buah sekolah pondok atau pusat tahfiz di negeri ini dikesan beroperasi tanpa permit JBPM.

Pengarah JBPM Kelantan, Nazili Mahmood berkata, se-

kolah berkenaan didapati tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan yang baik selain keadaan bangunan tidak memuaskan.

"Kita dapati kebanyakan sekolah pondok yang beroperasi tanpa permit ini terdedah kepada risiko kebakaran kerana sistem pendawaian elektrik serta struktur bangunan yang diperbuat daripada kayu yang sudah lama," katanya di sini, hari ini.

Tambah beliau, pihaknya sudah menasihati kesemua pemilik sekolah berkenaan supaya meningkatkan ciri-ciri keselamatan seperti membuat pendawaian baharu, memasang peralatan mengesan asap dan pemasangan jeriji besi yang mudah dibuka.

"Berdasarkan kes terdahulu, kebanyakan kebakaran sekolah pondok berpunca daripada liter pintas, kelalaian menggunakan dapur memasak dan ubat nyamuk," ujarnya.

DI **KANGAR**, JBPM negeri mengesahkan hanya tiga daripada 12 pusat tahfiz yang terdapat di negeri ini selamat untuk beroperasi.

Pengarahnya, Mohd. Fadzil Haron berkata, jaminan keselamatan penting supaya operasi pusat tahfiz dapat berjalan lancar.